

**Rasuah Menjangkau Di Luar Kalangan Penjawat Awam, Kata Najib
Bernama
4 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Perbuatan rasuah dan tidak berakhlak menjangkau lebih jauh daripada penyalahgunaan kuasa oleh mereka yang berkhidmat dengan kerajaan dan perkhidmatan awam, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata jika rasuah dianggap sebagai perbuatan yang benar-benar tidak beretika dan bermoral, ia tidak dapat dihentikan dengan hanya menumpukan kepada penjawat awam dan ahli politik yang menyalahgunakan kuasa mereka, tetapi perlu dilihat lebih jauh daripada itu.

"Sering kali apabila orang bercakap mengenai 'rasuah' perkara pertama yang terlints di fikiran mereka ialah berkaitan dengan penyalahgunaan kuasa oleh mereka yang berkhidmat dalam kerajaan dan perkhidmatan awam.

"Apa yang sering diabaikan ialah hakikat bahawa rasuah menjangkau ke luar daripada lingkungan itu. Apa sepatutnya kurang menyenangkan kita ialah bagaimana perbuatan rasuah dan tidak berakhlak ini telah meresap jauh ke dalam struktur moral semua lapisan masyarakat," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa merasmikan Persidangan Persatuan Pihak Berkuasa Antirasuah Antarabangsa (IAACA) ke-6, di sini hari Khamis.

Turut hadir Presiden IAACA Profesor Cao Jianming, Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Datuk Seri Abu Kassim Mohamed.

Najib berkata memahami norma-norma dan nilai-nilai sosial yang menjadi pegangan sesebuah masyarakat itu memainkan peranan penting dalam menangani masalah rasuah.

Beliau memetik kata-kata hikmah ahli falsafah Yunani Plato iaitu perasaan tanggungjawab akan dapat membantu mencegah rasuah dan untuk memupuk nilai-nilai itu bukannya tugas yang mudah.

"Pentingnya memupuk norma-norma dan nilai-nilai sosial yang sesuai adalah amat kritikal dalam usaha memerangi rasuah. Bagaimana orang berkelakuan -- dan keputusan-keputusan yang menjurus kepada kelakuan ini -- sering bergantung kepada persepsi mereka terhadap orang lain dalam persekitaran sosial mereka," kata Najib.

Oleh yang demikian, beliau berkata adalah amat penting bagi individu yang mempunyai kuasa dan bidang kuasa untuk mempamerkan nilai-nilai yang mereka harap akan diteladani oleh pengundi mereka.

"Ini menjadikan tingkah laku mereka yang memegang jawatan sebagai pemimpin, sama ada dalam politik, kerajaan, perniagaan, masyarakat, pendidikan dan mungkin paling kritikal, di rumah, amat penting dalam menanamkan nilai-nilai yang betul dan asas-asas tingkah laku beretika," kata Perdana Menteri.

Mengenai usaha memerangi rasuah, Najib berkata selain daripada apa yang sedang dilakukan oleh negara, Malaysia perlu melihat daripada perspektif lebih luar daripada aspek bagaimana ia boleh memupuk sikap menolak rasuah secara semulajadi dalam hati nurani masyarakat.

Sebenarnya terdapat bukti kukuh yang menunjukkan bahawa masyarakat yang mampu mengurangkan perbuatan rasuah, banyak bergantung kepada tatalaku yang telah berakar umbi dan kesedaran sivik tinggi berbanding pencegahan berbentuk undang-undang atau insentif kewangan.

"Ini membuatkan kita memberi tumpuan kepada etika, norma dan nilai baik yang menjadi pegangan masyarakat kita dan masyarakat-masyarakat lain," kata Najib.

Menyentuh mengenai rangka kerja pencegahan rasuah Malaysia, Perdana Menteri berkata, "kami (kerajaan) sedar dengan ancaman daripada perbuatan rasuah dan tidak berakhlak sejak awal pentadbiran Persekutuan.

"Pada 1952, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Malaysia menubuhkan Suruhanjaya Siasatan mengenai Integriti Perkhidmatan Awam dengan menumpukan kepada perbuatan-perbuatan rasuah," katanya.

Beliau berkata yang terbaharu ialah penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2009.

Sementara usaha tanpa mengenal jemu dalam memerangi rasuah diteruskan dengan menjadikannya sebagai satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), yang merupakan sebahagian Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP) yang dilancarkan pada 2009, katanya.

Persidangan tiga hari itu bertema "Konvensyen Membanteras Rasuah Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNCAC) Bab VI: Bantuan Teknikal dan Pertukaran Maklumat," dihadiri 1,000 pegawai pencegah rasuah dan agensi pencegah rasuah dari lebih 100 negara, dianjurkan untuk meningkatkan usaha memerangi rasuah merentas sempadan.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut mengumumkan sumbangan RM1 juta daripada kerajaan Malaysia kepada Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA).

Beliau juga memuji pelancaran Program Sarjana Kajian Pencegahan Rasuah yang pertama di dunia, yang baru-baru ini dilancarkan AICA, yang satu daripada tujuh modulnya akan dikendalikan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699709>